



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	01.12.22	MUKA SURAT	:	5
JABATAN	:	TNB			

# TNB ucap takziah kepada keluarga mangsa

**Alor Setar:** Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengucapkan takziah kepada keluarga kanak-kanak lelaki yang maut dipercayai dihempap longgokan tiang elektrik di Kampung Belukar, Changlun di Bukit Kayu Hitam dekat Kubang Pasu, kelmarin.

TNB dalam satu kenyataan semalam memaklumkan pihaknya turut bersimpati terhadap keluarga dua kanak-kanak yang sedang menerima rawatan di Hospital Jitra selepas terbabit dalam kejadian sama.

"TNB turut menghantar

wakil menziarahi keluarga mangsa dan memberikan bantuan yang sewajarnya," menurut kenyataan itu.

Media melaporkan seorang kanak-kanak lelaki maut manakala dua lagi rakannya ditemukan dalam keadaan tidak sedarkan diri selepas dipercayai dihempap longgokan tiang elektrik di Kampung Belukar itu dan kesemua mangsa berumur antara 10 dan 11 tahun.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kedah Penolong Kanan Pesuruhjaya Bomba Sa-

yani Saidon dilaporkan berkata pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung kejadian itu pada jam 5.33 petang.

Lokasi kejadian itu merupakan kawasan simpanan sementara tiang elektrik bagi tujuan projek di Jalan K16, Kampung Belukar.

Menurut kenyataan itu, TNB sedang menjalankan siasatan berhubung kejadian berkenaan dan bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa terlibat.

"Justeru, TNB mengulangi peringatan kepada orang ra-

mai agar tidak menghampiri tapak kerja dan menyentuh barang-barang binaan bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku," menurut kenyataan itu.

TNB juga menasihati orang ramai supaya tidak menyebarkan sebarang gambar atau video kejadian itu dan membuat spekulasi, sebaliknya memberi ruang kepada pihak berkuasa menjalankan siasatan selain menghormati perasaan dan sensitiviti keluarga mangsa terbabit.

# HM011222\_5

